

## KAJIAN TERHADAP PENGGUNAAN BAHASA PELAT OLEH IBU BAPA DALAM PERKEMBANGAN BAHASA AWAL KANAK-KANAK

\*Nurul Ain Binti Ismail

Universiti Selangor

[ain\\_ismail@unisel.edu.my](mailto:ain_ismail@unisel.edu.my)

Nurul Afiqah Binti Sapari

Universiti Selangor

Noor Shahirah Binti Faizal

Universiti Selangor

Mohd Noor Rizal Bin Arbain

Universiti Selangor

[rizal-it@unisel.edu.my](mailto:rizal-it@unisel.edu.my)

### Abstrak

Bahasa pelat dalam kalangan kanak-kanak ialah masalah yang kerap ditemui. Namun, jika tidak dikendalikan sejak awal, bahasa pelat dapat berkembang menjadi masalah komunikasi yang serius dan mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak seiring bertambahnya usia. Oleh karena itu, penting untuk memperhatikan dan mengatasi masalah pelat pada kanak-kanak sejak awal untuk memastikan perkembangan bahasa yang baik. Kajian ini bertujuan untuk mengesan pengaruh bahasa pelat yang digunakan oleh orang dewasa terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak berusia 4 hingga 5 tahun dan mencadangkan kaedah pembelajaran yang paling sesuai untuk mengatasi masalah pelat. Kajian melibatkan 50 orang responden yang dipilih secara rawak dan data dikumpulkan melalui soal selidik menggunakan skala Likert. Hasil kajian menunjukkan bahwa majoriti responden tahu bagaimana membantu mengatasi masalah pelat pada perkembangan bahasa anak-anak mereka. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahwa majoriti ibu bapa setuju dengan kaedah pembelajaran yang digunakan untuk mengatasi masalah pelat pada perkembangan bahasa kanak-kanak berusia 4 hingga 5 tahun. Implikasi dari hasil kajian ini adalah ibu bapa semakin sadar tentang pentingnya sebutan dan pertuturan yang benar pada perkembangan bahasa kanak-kanak dari awal usia.

**Kata kunci:** Pelat, Perkembangan Bahasa, Simptom, Kaedah

## **A STUDY ON THE USE OF 'PELAT' LANGUAGE BY PARENTS IN CHILDREN'S EARLY LANGUAGE DEVELOPMENT**

### **Abstract**

'Pelat' in childhood is not a common thing to hear and is not defined as one of the symptoms of childhood disease. But if it hadn't been contained from the start, it would have been one of the difficulties of speaking according to the actual age rating of childhood. The main objective of this study is to certify the use of plate language by adults has an effect on the language development of children aged 4 to 5 years and identify the appropriate learning methods used in overcoming plate problems. The sample of this study has involved a total of 50 respondents selected in a swampy manner. The data obtained through this study is a matter of research using Likert scale measurements. The results of the survey also showed that the majority of respondents knew the learning methods or methods that parents could use to overcome 'pelat' problems with their children's language development. The results of this study have shown that most parents agree with the learning method used by parents to address 'pelat' problems with children's language development around the age of 4 to 5 years. The implications result of this study found that parents began to realize the importance of proper speech and speech in children's language development from an early age.

**Keywords:** '*Pelat*', Language Development, Symptoms, Methods

## PENGENALAN

Bahasa pelat adalah masalah yang melibatkan sebutan yang tidak tepat atau salah dalam bahasa yang digunakan oleh kanak-kanak. Ini biasanya terjadi pada kanak-kanak pada peringkat umur tertentu dan dapat disebabkan oleh beberapa faktor, seperti perkembangan fonologi dan artikulasi. Artikulasi adalah proses mengeluarkan bunyi dan membentuk bunyi-bunyi tertentu untuk membentuk perkataan. Fonologi adalah sistem bunyi dalam bahasa yang membantu membentuk makna. Jika kanak-kanak mengalami kesulitan dalam membentuk bunyi-bunyi tertentu atau memahami pola bunyi, ini dapat menyebabkan pelat dalam bahasa mereka.

Masalah pertuturan biasanya dikaitkan dengan perkara seperti sebutan tidak jelas atau pelat ini (Sharp & Hillenbran, 2008). Terdapat perbezaan di antara masalah pertuturan dan masalah Bahasa (NIDCD, 2022). Pertuturan adalah kegiatan melafazkan bunyi-bunyi yang dilahirkan daripada alat artikulasi. Kanak-kanak lazim dengan perkataan atau pemahaman bahasa mereka sendiri. Justeru, masalah pelat melibatkan mereka tidak dapat menyebut perkataan dengan jelas dan baik kerana tidak didedahkan lagi dengan pembelajaran. Kebanyakan kanak-kanak yang bermasalah dalam sebutan tidak jelas mempunyai kaitan dengan perkembangan oral motor atau alat-alat pertuturan seperti lidah, gigi, gusi, lelangit dan rongga hidung dan pita suara. Sekiranya terdapat masalah pada alat-alat pertuturan seperti yang dinyatakan tadi, maka ia akan membawa kepada masalah pertuturan.

Dalam pada itu, ketika proses pemerolehan bahasa pertama, kanak-kanak akan berusaha untuk memahirkan diri mereka dalam empat peringkat ilmu bahasa, iaitu fonologi, morfologi, semantik dan sintaksis. Namun begitu, peringkat fonologi merupakan peringkat yang sering kali menimbulkan masalah pada kanak-kanak, iaitu pada sebutan mereka. Masalah penyebutan dalam kalangan kanak-kanak ini disebut juga sebagai pelat. Kesalahan yang sering dilihat berlaku dalam penyebutan kanak-kanak adalah kesalahan dalam menyebut beberapa jenis konsonan. Kesalahan penyebutan ini akan menyebabkan pertuturan mereka menjadi sukar untuk difahami oleh orang lain ataupun rakan seusia mereka.

Bagi kanak-kanak pertengahan umur mereka akan menggunakan bahasa badan jika memerlukan permintaan seperti menangis, mengamuk atau merengek. Sebagai ibu bapa pula perlu memainkan peranan yang penting seperti mengajar mereka menyebut perkataan yang mudah seperti makan, minum, mandi dan sebagainya. Hal ini demikian kerana bagi mengelakkan kecelaruan penyebutan dan sebolehnya ibu bapa perlu menyebut perkataan yang betul bermula dari peringkat awal lagi.

Berdasarkan pengalaman ibu bapa yang mempunyai anak yang pelat ini, didapati ibu bapa sering kali menyebut perkataan dan laras bahasa yang tidak betul semasa berinteraksi dalam pertuturan sehari-hari bahkan pengkaji turut mendapati masalah bukan sahaja dari berpunca dari kalangan ibu bapa yang tidak mengambil berat perihal ini tetapi ia juga berlaku dari kalangan guru di tadika yang hanya mengambil ringan tentang perkara tersebut.

Dapatan dari Noor Shahirah Mohamad Rodzi dan Sharifah Raihan Syed Jaafar (2018) menurut Ahmad Hamid Mahmood (2007), beliau menyatakan bahawa bidang fonologi merupakan suatu bidang yang mengkaji sesuatu bahasa iaitu rumus-rumus yang menentukan sebutan. Jadi, perkara ini amat penting di kalangan kanak-kanak. Tugas sebagai guru adalah untuk mendidik kanak-kanak yang kurang berpengetahuan. Kanak-kanak yang pelat mungkin akan mengalami sedikit perasaan malu dan hilang keyakinan diri jika mereka masih lagi pelat dalam pertuturan sehari-hari mereka.

Seterusnya petikan dapatan kajian dari Noor Shahirah Mohamad Rodzi dan Sharifah Raihan Syed Jaafar (2018), dan Tay Meng Guat (2006), menyatakan bahawa pemerolehan bahasa merupakan satu proses perkembangan bahasa manusia dan lazimnya pemerolehan bahasa

pertama dikaitkan dengan perkembangan bahasa kanak-kanak iaitu pemerolehan bahasa kanak-kanak mengikut pada bahasa yang dituturkan oleh kedua orang tua mereka. Peranan yang dimainkan oleh ibu bapa amat penting kerana kanak-kanak dibesarkan oleh kedua ibu bapanya maka dari segi perbuatan, perbualan dan juga tingkah laku ibu bapa akan ditiru oleh kanak-kanak itu sendiri tanpa memikirkan risiko. Perkara utama yang ibu bapa perlu pantau selain menjaga tingkah laku, ibu bapa juga perlu prihatin terhadap percakapan dan penggunaan bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak.

Selanjutnya, ramai yang tersalah anggap bahawa kelompok ini akan mengalami masalah lambat bercakap. Menurut Ahli Terapi Pertuturan Bahasa, Ruby Izyan Atika Abu Bakar, pelat dan lambat bercakap adalah dua masalah berbeza yang perlu ditangani dengan dua kaedah berlainan (Harian Metro, Intan Mas Ayu Shahimi, 2018). Pelat merangkumi kesalahan dalam sebutan yang kerap terjadi kepada kanak-kanak pada peringkat umur tertentu. Dalam erti kata lain, pelat berlaku berikutan masalah penghasilan bunyi (artikulasi) dan juga pola bunyi (fonologi). Sebutan perkataan bagi kanak-kanak ini akan kedengaran tidak sama dengan orang dewasa, malah mungkin lebih sukar untuk difahami.

Selain itu, ramai ibu bapa yang masih tidak memahami apa sebenarnya pelat dan risiko jangka panjang yang boleh dihadapi kanak-kanak sekiranya masalah ini berlarutan. Masalah pelat ini mungkin berlaku disebabkan masalah perkembangan atau struktur dalam mulut kanak-kanak itu sendiri. Oleh sebab itu, ibu bapa perlu peka dengan masalah yang dihadapi anak-anak mereka. Jika anak sudah mencapai usia dua tahun dan mengalami masalah lambat bertutur, ibu bapa perlu merujuk kepada hospital atau pakar terapi pertuturan untuk bantuan. Namun, jika anak boleh bertutur, tetapi masih pelat sehingga usianya mencecah empat tahun, ibu bapa diminta merujuk ke pakar atau hospital yang berdekatan.

Walaubagaimanapun, pelat kemungkinan juga berlaku adalah disebabkan umur dan peringkat bahasa serta pertuturan kanak-kanak yang masih rendah. Dalam kebanyakan kes, pelat berlaku adalah disebabkan oleh faktor masalah artikulasi iaitu masalah sumbing, lidah pendek atau saiz lidah lebih besar berbanding rongga mulut (kerap berlaku kepada kanak-kanak Sindrom Down). Hal ini bermakna, pelat mempunyai punca yang perlu diselidik sebelum sebelum dirawat.

Merujuk kepada permasalahan yang dikemukakan di atas, maka objektif utama kajian ini adalah untuk: (1) mengesahkan penggunaan bahasa pelat oleh orang dewasa akan memberi kesan terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak yang berusia 4 hingga 5 tahun, dan (2) mengenalpasti kaedah yang sesuai digunakan dalam membantu mengatasi masalah pelat. Kajian ini juga mengemukakan dua persoalan, iaitu: (1) adakah penggunaan bahasa pelat oleh orang dewasa akan memberi kesan terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak yang berusia 4 hingga 5 tahun, dan (2) apakah kaedah yang sesuai digunakan dalam membantu mengatasi masalah pelat.

## TINJAUAN LITERATUR

Pert (2016) dalam penulisannya menyebut bahawa masalah penghasilan bunyi adalah masalah yang menjelaskan keupayaan kanak-kanak untuk menghasilkan bunyi yang boleh difahami oleh individu lain. Seorang kanak-kanak dengan masalah ini mungkin mengalami kesukaran fizikal menghasilkan ujaran atau lebih tepat lagi mereka menghasilkan bunyi sendiri tetapi tidak menghasilkan bunyi tersebut di tempat yang betul. Gangguan artikulasi berlaku disebabkan oleh mana-mana bahagian artikulasi yang hilang, rosak atau terjejas kerana kesukaran koordinasi otot atau kekuatan otot untuk menggerakkan alat-alat artikulasi. Kanak-

kanak ini akan cuba menghasilkan bunyi dengan menghasilkan bunyi yang seakan-akan sama dengan bunyi asal. Apabila bunyi yang dihasilkan masih difahami dan memberi makna yang sama ia dikenali sebagai gangguan artikulasi.

Namun, jika kanak-kanak menggantikan bunyi yang ada dengan bunyi yang lain yang boleh mengubah makna perkataan, maka ini adalah fonologi ralat. Randolph (2017) pula menyebut bahawa gangguan fonologi dianggap sebagai gangguan bunyi ujaran dan boleh ditakrifkan sebagai kemerosotan pemahaman dan penggunaan sistem bunyi pertuturan dalam sesuatu bahasa. Gangguan fonologi merupakan salah satu daripada gangguan bunyi ujaran dan sering kali dikaitkan dengan ciri-ciri apraxia ujaran atau gangguan artikulasi. Masalah ini menyebabkan pembuangan dan penggantian dalam bunyi ujaran dihasilkan oleh penutur Bahasa.

Seterusnya, Anida Sarudin et al. (2016) dalam kajiannya yang bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan komponen bahasa kanak-kanak merangkumi bidang fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, dan pragmatik. Pada peringkat umur tiga hingga lima tahun, secara normalnya kanak-kanak sudah boleh menyebut perkataan dengan baik. Namun begitu, keputusan kajian ternyata tidak menunjukkan kemampuan responden dalam menguasai bidang fonologi khususnya kanak-kanak yang berumur tiga tahun. Hal ini kerana responden yang terlibat masih pelat dalam menyebut sesuatu perkataan dan perkataan yang diujarkan itu tidak jelas sebutannya. Contohnya apabila kanak-kanak menyebut [atik] bagi perkataan [adik], [atak] bagi perkataan [akak], [alam] bagi perkataan [dalam], dan menyebut [cuka] bagi perkataan [suka].

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian yang dijalankan mempunyai beberapa kepentingan iaitu kepentingan kepada ibu bapa. Hal ini demikian, ibu bapa perlu didedahkan dengan masalah pertuturan kanak-kanak mengikut usia tertentu. Jika ibu bapa memandang ringan akan masalah pelat anak-anak mereka, berkemungkinan apabila mereka sudah dewasa kelak akan semakin sukar untuk diluntur cara bertutur dengan baik. Sebagai contoh, kanak-kanak berusia 4 tahun seharusnya sudah boleh bertutur dengan baik boleh memahami perbualan orang lain serta mengikuti arahan mudah dan kompleks.

Selain itu, kepentingan kajian ini kepada kanak-kanak adalah dapat menyebut sesuatu perkataan dengan betul dengan cara interaksi komunikasi yang baik. Bukan itu sahaja, kanak-kanak akan mempunyai keyakinan diri yang tinggi apabila mereka bercakap dihadapan orang ramai. Di samping itu, masalah pertuturan yang dihadapi oleh kanak-kanak akan dapat diatasi kerana mereka tidak kurang mendengar pertuturan yang pelat oleh orang disekeliling mereka.

Seterusnya, kepentingan kepada masyarakat pula, masyarakat dapat mendedahkan kesan buruk yang terjadi kepada generasi akan datang. Bukan itu sahaja, masyarakat akan dapat lebih prihatin dalam membendung masalah pelat dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini demikian, masyarakat dapat bekerjasama dengan badan-badan NGO dan bukan NGO dalam mengatasi masalah ini.

## BATASAN KAJIAN

Sampel kajian ini hanya melibatkan ibu bapa di pusat Taska Si Comel, Wisma Tani, di sekitar Putrajaya. Justeru, sampel kajian adalah tidak representatif untuk populasi kanak-kanak usia tersebut di Malaysia. Kajian ini tidak memfokuskan pada aspek latar belakang sampel kajian seperti status sosioekonomi, usia, jantina dan etnik kanak-kanak yang mungkin mempengaruhi tahap pencapaian kemahiran literasi awal mereka.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah soal selidik di mana bahagian pertama ianya menerangkan perbincangan secara ringkas tentang demografi seterusnya bahagian kedua pula adalah mengenai tahap perkembangan bahasa kanak-kanak yang berusia 4 hingga 5 tahun dan akhir sekali mengenai cara atau kaedah yang boleh digunakan oleh ibu bapa mengatasi masalah pelat. Data dianalisis dijalankan dengan menggunakan perisian *Statiscal Package for Social Science (SPSS)* versi 23. Analisis statistic diskriptif digunakan untuk mengenalpasti frekuensi dan peratusan untuk menjawab semua soalan dalam soal selidik.

**Jadual 1.** Tahap perkembangan bahasa kanak-kanak yang berusia 4 hingga 5 tahun

Item	Jumlah	Minimum	Maximum	Min	Standard piawaian
Tahap perkembangan anak saya adalah baik semasa bertutur.	50	2	5	4.32	.768
Tahap perkembangan bahasa perlu dikuasai apabila kanak-kanak sudah mencapai umur 4-5 tahun.	50	3	5	4.46	.676
Saya membenarkan anak saya menonton kartun di televisyen yang tidak mengeluarkan suara dan tutur kata.	50	1	5	2.60	1.278
Adakah anak Tuan/Puan dapat menyebut atau mengecam perkataan.	50	1	5	4.18	.825
Saya kurang mempraktikkan amalan membaca buku cerita bersama dengan anak-anak.	50	1	5	2.56	1.181
Adakah faktor pelat disebabkan oleh faktor persekitaran, baka atau keturunan?	50	1	5	3.34	1.154
Adakah kanak-kanak berumur 2 tahun boleh mengecam bunyi?	50	2	5	3.96	.807
Adakah penting bagi kanak-kanak yang berumur 2 tahun mengecam perkataan yang didengari?	50	2	5	4.04	.832

Tahap perkembangan bahasa kanak-kanak boleh dipengaruhi oleh ibu bapa yang mengajuk cara anak-anak mereka bertutur pelat.	50	2	5	4.32	.794
Tahap perkembangan bahasa kanak-kanak perlu disokong oleh ibu bapa supaya mereka dapat bertutur dengan lebih baik.	50	1	5	4.56	.837

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 di atas menunjukkan min yang tertinggi ialah pada tahap perkembangan bahasa kanak-kanak perlu disokong oleh ibu bapa supaya mereka dapat bertutur dengan lebih baik iaitu sebanyak 4.56. Hal ini kerana komunikasi positif perlu diterapkan dalam diri kanak-kanak sejak mereka kecil. Komunikasi positif akan mempengaruhi pembentukan kendiri kanak-kanak yang positif. Selain itu, dapat membantu kanak-kanak memahami perasaan diri dan orang lain.

Bagi min yang sederhana ialah adakah kanak-kanak berumur 2 tahun boleh mengecam bunyi iaitu sebanyak 4.04. Hal ini boleh dilihat semasa berusia lebih kurang setahun bayi mula memasuki peringkat holofrasa atau peringkat satu kata yang dianggap peringkat linguistik pertama. Bayi akan berkomunikasi menggunakan hanya satu suku kata sahaja dan ucapan holofrasa ini dapat ditafsirkan sebagai satu ayat atau frasa lengkap menurut ertinya atau fungsinya dalam komunikasi. Pada peringkat ini, bayi mula meluahkan keinginan menggunakan perkataan-perkataan tertentu dan juga gerakan.

**Jadual 2.** Kaedah yang sesuai digunakan untuk mengatasi masalah pelat

Item	Jumlah	Minimum	Maximum	Min	Standard piawai
Ibu bapa ulang perkataan yang sama jika kanak-kanak belum mampu menyebut dengan betul.	50	2	5	4.66	.626
Ibu bapa melakukan aktiviti mencari perkataan menggunakan kamus bergambar.	50	3	5	4.54	.676
Ibu bapa mengajar kanak-kanak untuk sama-sama memperbetulkan lidah.	50	1	5	4.46	.838
Aktiviti bercerita dapat memperkembangkan bahasa dan boleh mengubah corak percakapan kanak-kanak.	50	3	5	4.56	.644
Mendapat rawatan pakar atau rundingan seperti kelas terapi pertuturan untuk memulihkan percakapan pelat kanak-kanak.	50	1	5	4.12	1.003
Aktiviti nyanyian dapat membantu kanak-kanak menyebut perkataan dengan jelas.	50	1	5	4.44	.837
Mengajar anak dengan perkataan baru setiap hari secara berulang-ulang sebagai contoh tangga/manga.	50	2	5	4.62	.667

Melakukan ujian pendengaran membantu ibu bapa menyelesaikan masalah pelat anak-anak.	50	2	5	4.26	.828
Masalah pelat akan meningkat jika ibu bapa berkomunikasi pelat bersama anak.	50	2	5	4.60	.756
Bercakap dengan lebih perlahan supaya kanak-kanak mengecam bunyi yang didengari.	50	1	5	4.10	1.093

Seterusnya, min yang terendah ialah saya membenarkan anak saya menonton kartun di televisyen yang tidak mengeluarkan suara dan tutur kata iaitu sebanyak 2.60. Hal ini adalah kerana pengkaji dapat melihat kebanyakan ibu bapa tidak bersetuju anak-anak mereka menonton televisyen yang tidak mengeluarkan suara dan tutur kata yang mana anak-anak memerlukan suatu komunikasi yang positif bagi membentuk perkembangan bahasa sejak awal usia lagi. Jika ibu bapa membenarkan anak-anak mereka menonton siaran kartun yang tidak mengeluarkan suara dan tutur kata, anak-anak tidak berpeluang mempelajari bahasa dan perkataan baru.

Jadual 2 menunjukkan nilai statistik yang berkaitan dengan objektif kedua dari kajian ini. Berdasarkan Jadual 2 di atas, min yang tertinggi ialah pada tahap ibu bapa ulang perkataan yang sama jika kanak-kanak belum mampu menyebut dengan betul iaitu sebanyak 4.66. Hal ini kerana, sesetengah kanak-kanak mempunyai masalah pendengaran. Pendengaran memainkan peranan yang penting untuk menguasai pertuturan. Kegagalan menguasai bahasa mengakibatkan kesukaran untuk berinteraksi, belajar dan menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial.

Min yang sederhana ialah aktiviti nyanyian dapat membantu kanak-kanak menyebut perkataan dengan jelas iaitu nilainya 4.44. Hal ini dapat dilihat, apabila kanak-kanak yang sering didedahkan dengan aktiviti nyanyian setiap hari, maka mereka akan mudah untuk mendengar dengan lebih teliti cara penyebutan sesuatu perkataan dan secara tidak langsung akan sentiasa berlatih dalam menuturkan ayat atau perkataan dengan betul.

Seterusnya, min yang terendah ialah bercakap dengan lebih perlahan supaya kanak-kanak mengecam bunyi yang didengari iaitu sebanyak 4.10. Hal ini demikian kerana, kanak-kanak selalunya mendengar perkataan dihujung ayat sahaja. Oleh itu, ibu bapa perlulah bercakap dengan lebih perlahan atau secara berulang-ulang untuk memastikan kanak-kanak tersebut dapat menangkap bunyi yang didengari dengan lebih jelas.

## PERBINCANGAN

Perbincangan tentang dapatan kajian adalah berdasarkan persoalan kajian yang timbul. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian yang akan dibincangkan ini akan menjawab soalan kajian iaitu (i) Mengesahkan penggunaan bahasa pelat oleh orang dewasa akan memberi kesan terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak yang berusia 4 hingga 5 tahun. (ii) Mengenalpasti kaedah yang sesuai digunakan dalam membantu mengatasi masalah pelat

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden menjawab sangat setuju dan setuju bagi semua item di bahagian B yang dikemukakan. Hal ini dibuktikan dengan hasil analisis soal selidik menerusi aplikasi (*google form*) yang menunjukkan min skala bagi kesemua item yang berkaitan dengan kesan penggunaan perkataan pelat oleh orang dewasa terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak yang berusia 4 hingga 5 Tahun iaitu 4.56 (rujuk

jadual 9) dan seramai 36 orang responden sangat setuju dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak perlu disokong oleh ibu bapa supaya mereka dapat bertutur dengan lebih baik. Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan ibu bapa dalam mencorakkan kehidupan anak-anak mereka sejak dari kecil lagi.

Selain itu, berdasarkan hasil dapatan kajian, kebanyakan responden menjawab sangat setuju dan setuju bagi semua item di Bahagian C yang dikemukakan. Hal ini dapat dibuktikan dengan hasil analisis soal selidik menerusi aplikasi (*Google Form*) yang menunjukkan min skala bagi kesemua item yang berkaitan kaedah pembelajaran yang digunakan untuk memperbaiki cara penyebutan kanak-kanak 4 hingga 5 tahun iaitu 4.66 (rujuk jadual 13) dan seramai 36 orang responden setuju dan setuju dengan ibu bapa ulang perkataan yang sama jika kanak-kanak belum mampu menyebut dengan betul. Ini menunjukkan responden sangat mengambil berat akan tutur kata anak-anaknya di mana, ada sesetengah ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang masih bertatih dalam mempraktikkan pertuturan yang betul dalam rutin sehari bersama dengan anak-anak.

Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan beberapa kesan penggunaan bahasa pelat oleh ibu bapa terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak 4 hingga 5 tahun telah diberi maklumbalas oleh responden menerusi edaran soal selidik yang telah diberi. Terdapat segelintir penyelidik telah menjalankan kajian lepas yang berkaitan bahasa tetapi lebih berfokus kepada penggunaan bahasa dalam sesuatu mata pelajaran dan pembelajaran konsonan. Dengan itu, kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini adalah untuk menyelidik implikasi terhadap penggunaan bahasa pelat oleh ibu bapa dalam perkembangan bahasa peringkat umur kanak-kanak dan kaedah untuk membantu ibu bapa dalam mengatasi masalah penggunaan bahasa pelat tersebut.

Secara umumnya, dapatan kajian yang diperolehi adalah berdasarkan objektif utama kajian iaitu mengesahkan penggunaan bahasa pelat oleh orang dewasa akan memberi kesan terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak yang berusia 4 hingga 5 tahun serta mengenalpasti kaedah pembelajaran yang sesuai digunakan dalam dalam mengatasi masalah pelat menerusi kajian yang dijalankan ini untuk mendapatkan purata min yang tinggi, rendah dan sederhana dalam keputusan kajian yang berjaya diperolehi.

Bagi dapatan yang telah dianalisis, menunjukkan bahagian B iaitu tahap perkembangan bahasa kanak-kanak berusia 4 hingga 5 tahun. Sebanyak 10 soalan telah diberikan tetapi hanya 3 soalan sahaja yang dipilih untuk dianalisis dan berkaitan dengan tajuk kajian. Hasil dapatan kajian bahagian B ini ialah min yang paling tinggi ialah soalan item 10 (4.56) iaitu tahap perkembangan bahasa kanak-kanak perlu disokong oleh ibu bapa supaya mereka dapat bertutur dengan lebih baik. Hal ini kerana, ibu bapa merupakan ‘role model’ yang penting bagi anak-anak mereka, sama ada berkelakuan baik ataupun sebaliknya.

Selain itu, min yang sederhana ialah soalan item 7 (3.96) iaitu adakah kanak-kanak berumur 2 tahun mengecam bunyi? Penyelidik ingin mengetahui sejaumanakah ibu bapa itu mengetahui kanak-kanak pada umur 2 tahun yang sudah boleh mengecam bunyi di persekitaran mereka. Pada umur 2 tahun kanak-kanak sudah mempunyai antara 150-200 patah perkataan dan akan meningkat kepada 300-400 apabila berumur 3 tahun. Kanak-kanak pada tahap ini amat suka apabila dibacakan cerita kepadanya dan amat gemar melihat gambar dalam buku dan menamakan objek yang dilihat.

Seterusnya, min yang rendah ialah soalan item 3 (2.60) iaitu saya membenarkan anak saya menonton kartun di televisyen yang tidak mengeluarkan suara dan tutur kata. Penyelidik mendapati bahawa, ibu bapa juga peka dengan siaran kartun yang ditontonkan oleh anak-anaknya dirumah. Hal ini sangat jelas apabila kebanyakkannya ibu bapa tidak membenarkan anak-

anak mereka menonton cerita kartun yang tidak mengeluarkan suara dan tutur kata yang mana boleh menjelaskan pertuturan anak-anak sejak dari kecil. Penyelidik juga mendapati ada sesetengah ibu bapa sudah mengetahui bahawa perkembangan bahasa kanak-kanak adalah semula jadi dan mereka perlu didedahkan dengan aktiviti berbahasa agar mereka mempunyai keupayaan bahasa yang mantap dan jelas.

Bagi dapatan yang telah dianalisis, untuk bahagian C ialah soalan item 1 (4.66) iaitu ibu bapa ulang perkataan yang sama jika kanak-kanak belum mampu menyebut dengan betul. Hal ini kerana, ibu bapa perlu mengambil berat akan sesuatu pertuturan anak-anak yang masih belum boleh mengecam bunyi dengan betul dan jelas supaya ibu bapa boleh mengambil langkah-langkah inisiatif yang lain untuk membantu kanak-kanak bertutur dengan betul. Ibu bapa juga perlu bersabar dalam mengajar anak-anak untuk memperbaiki cara mereka menyebut sesuatu perkataan dengan cara yang betul.

Seterusnya, min yang sederhana, ialah soalan item 6 (4.44) iaitu aktiviti nyanyian dapat membantu kanak-kanak menyebut perkataan dengan jelas. Hal ini dapat dilihat, apabila kanak-kanak yang menyanyikan lagu seperti Negaraku, Lagu Kebangsaan, Lagu Sekolah dan sebagainya mampu melatih kanak-kanak untuk bernyanyi dan menyebut sesuatu perkataan dengan betul. Aktiviti nyanyian ini perlu dijadikan suatu kebiasaan bagi kanak-kanak yang mempunyai masalah pelat supaya anak-anak dapat mendengar dengan jelas dan melatih lidah anak-anak menyebut perkataan dengan betul.

Akhir sekali, min yang rendah ialah soalan item 10 (4.10) iaitu bercakap dengan lebih perlahan supaya kanak-kanak mengecam bunyi yang didengari. Hal ini kerana, ibu bapa perlu bercakap dengan intonasi suara yang betul dan jelas bagi memudahkan kanak-kanak itu dapat mengecam bunyi sebutan perkataan dengan jelas. Walaubagaimanapun, ibu bapa perlulah menggunakan intonasi suara yang perlahan dan jelas supaya anak-anak dapat mengecam dan menangkap bunyi yang didengarinya.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, dapatan menerusi kajian ini mendapati masalah sebutan tidak jelas atau pelat ini seharusnya diberi perhatian kerana perkara ini bukan sahaja menyukarkan proses komunikasi bahkan ia boleh menyebabkan kanak-kanak ini akan mengalami kesukaran untuk bergaul dengan kanak-kanak lain dan berasa malu untuk berkomunikasi.

Keutamaan lain yang boleh dilihat dalam mengatasi masalah pelat ini adalah kerjasama dari semua pihak terutamanya ibu bapa dan guru saling memerlukan khususnya dalam membantu kanak-kanak bermasalah pelat supaya pertuturan dan perkembangan bahasa mereka ini dapat dipertingkatkan dan diatasi dengan segera sebelum ia terlewat. Pelat bukanlah satu penyakit bagi kanak-kanak malah ia perlu diberi penekanan terhadap sebutan yang betul dan jelas sejak awal pertuturan kanak-kanak menerusi orang disekelilingnya.

## **RUJUKAN**

- (1994). *Kamus Dewan* (edisi 3). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- (2005). *Kamus Dewan* (edisi 4). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ahmad Nurul Aswad Abdullah, Amira Abdul Rahim, Ayuni Mad Saad, Emily Yoong Ai Nee dan Mohd Jefri Selamat, 2014. *Perkembangan bahasa kanak-kanak melalui aktiviti bermain*.  
[https://www.academia.edu/17177370/PERKEMBANGAN\\_BAHASA\\_KANAK\\_KANAK](https://www.academia.edu/17177370/PERKEMBANGAN_BAHASA_KANAK_KANAK)
- Amelia Inbam Neelagandan. (28 Ogos 2020). *Perkembangan bahasa dan kemahiran literasi awal*.  
<http://www.myhealth.gov.my/perkembangan-bahasa-dan-kemahiran-literasiawal/>
- Aminah Ayob, Rohani Abdullah, Nani Menon dan Jameyah Shariff. 2013. *Modul kursus asuhan dan didikan awal kanak-kanak Permata Negara*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Anida Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman, Ahmad Khair Mohd Noor. 2016. *Penguasaan Bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah berdasarkan inventori penilaian kemahiran terancang*. Jabatan Bahasa Dan Kesusastraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bashiroh binti Hj Omar. 2016. *Intervensi pemulihan rehabilitasi pertuturan terhadap murid bermasalah pendengaran*. [Tesis yang diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak]. <https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=3029>
- Crystal C. Randolph. 2017. Overview of phonological disorders: The language-based speech sound disorder. *Journal of Phonetics & Audiology*, 3(1), 1-2.
- Dr Mahani Razali dan Kamarulzaman Awang. 2019. *Terapi pertuturan*. Pusat Niaga Astana Alam. Bandar Puncak Alam Mommy Happy Group SDB BHD.
- Faizah bt Rahim. (28 Ogos 2020). *Anak saya pelat*. <http://www.myhealth.gov.my/anak-saya-pelat/>
- Haliza Hamzah dan Joy Nesamalar Samuel. 2012. *Pengurusan bilik darjah dan tingkah laku*. Perpustakaan Negara Malaysia. Herald Printers Sdn. Bhd.
- Hasnita Sawal. (2017). Speech therapist kongsi cara ibu ayah boleh betulkan anak yang cakap pelat. <https://www.majalahpama.my/speech-therapist-kongsi-cara-ibuayah-boleh-betulkan-anak-yang-cakap-pelat-mesti-buat-tau/>
- Husin Fateh Din, Nazariyah Sani, Mastura Mohamed Berawi dan Siti Hajar Idrus. 2011. *Literasi Bahasa Melayu*. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Intan Mas Ayu Shahimi. (2018). Masalah berbeza. *My Metro*.  
<https://www.hmetro.com.my/hati/2018/02/309312/2-masalah-berbeza>
- Mahzan Arshad. 2012. *Pendidikan literasi awal kanak-kanak teori dan amali*. Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak.

- NIDCD. (2022). Speech and language development milestones. *National Institute on Deafness and Other Communication Disorders*, (13), 4781  
<https://www.nidcd.nih.gov/health/speech-and-language>
- Noor Shahirah Mohamad Rodzi dan Sharifah Raihan Syed Jaafar, (2018). Kajian fonologi kesalahan bunyi dalam bahasa kanak-kanak. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(2)178-188.
- Sharp, H. M., & Hillenbrand, K. (2008). Speech and language development and disorders in children. *Pediatric Clinics of North America*, 55(5), 1159-1173.
- Siti Iwana Sharizah Abu Samah, Rohaty Mohd Majzub dan Zamri Mahamod. (2014). Pelaksanaan pengajaran penulisan dalam kalangan guru-guru prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 3, 100-117
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd. Aziz Abd. Shukor Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha dan Hazalizah Hamzah. (2012). *Pembelajaran dan perkembangan pelajar* (Edisi Kedua). Perpustakaan Negara Malaysia. Herald Printers Sdn. Bhd
- Tay Meng Guat, (2006). *Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak: Satu Analisis Sintaksis*.  
[https://www.academia.edu/7951788/PEMEROLEHAN\\_BAHASA\\_KANAK\\_KANA\\_K\\_SATU\\_ANALISIS\\_SINTAKSIS](https://www.academia.edu/7951788/PEMEROLEHAN_BAHASA_KANAK_KANA_K_SATU_ANALISIS_SINTAKSIS)
- Wan Amalia. (2017). *Doktor kongsi bagaimana nak atasi anak cakap pelat*.  
<https://www.majalahpama.my/doktor-kongsi-bagaimana-nak-atasi-anak-cakap-pelatyang-penting-kena-rajin-layan-anak-bercakap/>